Kenyataan Media

MCMC LAKSANAKAN KAJI SELIDIK TERHADAP PENGGUNAAN PERKHIDMATAN POS DI MALAYSIA

CYBERJAYA, 8 Mei 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) kini sedang menjalankan Kaji Selidik Penggunaan Perkhidmatan Pos di Malaysia bagi mendapatkan maklum balas rakyat tentang keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan pos dan kurier di negara ini.

Kaji selidik tersebut, dibuka sehingga 23 Mei, merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Kajian Dasar Strategik Sektor Pos bagi menyokong cadangan pindaan terhadap Akta Perkhidmatan Pos 2012 (APP 2012), yang sedang diteliti oleh MCMC untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Pelaksanaan pindaan ke atas APP2012 bertujuan untuk memastikan rangkaian perkhidmatan pos dan kurier di Malaysia akan terus menjadi titik sentuh rakyat yang strategik menerusi pembangunan dan kawal selia holistik dan inklusif.

Pindaan akta ini juga dapat melindungi dan memastikan kelestarian pemain industri tempatan yang kini berhadapan dengan pelbagai cabaran di samping memenuhi keperluan pengguna yang kian meningkat.

Dapatan daripada kaji selidik ini diharap dapat membantu Kerajaan dalam perancangan dan pembangunan inisiatif yang relevan dalam perkhidmatan pos agar dapat membantu industri tempatan dan memenuhi keperluan rakyat dalam kehidupan seharian, untuk satu jangka masa panjang.

Pada masa sama, sektor perkhidmatan pos dan kurier yang menjadi tunjang penting dalam aktiviti perkhidmatan penghantaran bungkusan, dapat memastikan pertumbuhan sektor e-dagang negara akan terus meningkat.

Orang ramai yang ingin memberi maklum balas boleh berbuat demikian dengan mengisi borang kaji selidik menerusi pautan di: https://forms.office.com/r/R5LBCg5Qt2 ataupun imbas kod QR seperti yang tertera di bawah:

Kaji Selidik Terhadap Penggunaan Perkhidmatan Pos di Malaysia

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV